

BERKEBUN SAYUR

Baca dan lengkapkan dialog berikut.

Mudah dijaga

Menjimatkan belanja dapur

Menyihatkan tubuh badan

Menambahkan pendapatan

Aina : Mira, keluarga kamu berkebun sayur?

Mira : Ya, Aina. Sudah tiga tahun kami berkebun sayur di belakang rumah.

Aina : Oh, begitu! Mengapakah keluarga kamu memilih untuk menanam sayur-sayuran?

Mira : Kami memilih untuk menanam sayur-sayuran kerana sayur-sayuran

_____ tanpa kawalan yang rapi.

Aina : Oh, begitu! Kata ayah saya, aktiviti berkebun sangat baik. Berkebun

boleh _____.
Kita tidak perlu membeli sayur di pasar. Hanya petik di kebun.

Mira : Benar, Aina. Kami jarang membeli sayur di kedai. Jika kami hendak makan sayur, kami petik sahaja di kebun.

Aina : Tentu seronok jika kita ada kebun sendiri. Kita boleh makan sayur kegemaran kita.

Mira : Betul, Aina. Yang lebih penting, berkebun ini boleh

_____ kerana kerja-kerja bercucuk tanam boleh mengeluarkan peluh.

Aina : Adakah keluarga kamu turut menjual sayur-sayuran itu?

Mira : Ya, kami juga menjualnya. Sebahagian daripada hasil tanaman itu akan dijual di pasar tani. Sayur yang ditanam di kebun agak banyak.

Aina : Wah, nampaknya berkebun juga boleh _____ keluarga kamu.

